

Islam ditekan jika tolak kemajuan

KUALA LUMPUR 20 Dis. — Umat Islam akan terus ditindas di seluruh dunia jika menolak pembangunan material dan menganggap perkara itu hanyalah keduniaan semata-mata, tanpa memikirkan ia sebagai sumber untuk mempertahankan diri, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, jika umat Islam masih bersikap demikian dan tidak mahu mempertingkatkan kekuatan material, mereka tidak harus memarahi sesiapa jika terdapat saudara seagama mereka ditindas dan dibunuh di beberapa buah negara pada masa ini.

“Inilah kelemahan

orang Islam, di mana-mana juga mereka ditekan. Kita (umat Islam) hendak marah pada siapa? Marahlah diri sendiri. Kita tidak boleh tolong apa-apapun. Dia (Russia) sembelih, sembelihlah,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita sejurus tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Subang di sini selepas menghadiri sidang kemuncak Persidangan Pertubuhan Negara Islam (OIC), di Casablanca dan mengadakan lawatan dua hari ke Croatia.

Perdana Menteri diminta mengulas mengenai konflik di antara kerajaan Rusia dengan Republik Pemisah Chechnya yang menyakikan sekali lagi umat Islam ditindas.

Dr. Mahathir berkata, di Malaysia terdapat pihak yang menganggap kerajaan materialistik kerana menumpukan kepada pembangunan.

“Kalau kita tidak materialistik bagaimana kita hendak melawan dengan orang yang materialistik,” kata beliau.

Perdana Menteri menjelaskan, kepentingan dunia dan akhirat harus diseimbangkan bagi memastikan umat Islam mencapai kejayaan.

“Kalau kita tak ada di dunia, kita tidak akan sampai ke akhirat juga. Kena ada di dunia dulu, baru sampai ke akhirat. Oleh itu duniapun kena jaga, akhiratpun kena jaga juga,” katanya.

Perdana Menteri kecewa kerana umat Islam terpaksa membeli senjata daripada musuh un-

tuk mempertahankan diri semata-mata kerana mereka tidak berpuas hati untuk mengeluarkan sendiri peralatan peperangan itu.

“Macam mana hendak lawan? Hendak buat meriam pun tak tahu, hendak buat mesingan pun tak tahu. Jauh sekali membuat kapal terbang dan kapal selam,” kata beliau.

Oleh itu, tegasnya, disebabkan kelemahan itu umat Islam hanyalah mampu melihat sahaja saudara seagama mereka disembelih tanpa dapat melakukan apa-apa.

“Siapakah yang hendak salahkan? Salahkan Russia buat apa? Salahkan diri sendiri (umat Islam),” katanya.